

Faktor Teknologi Yang Mempengaruhi Kehidupan Norma Baharu Pasca Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Warga Selangor

Nurkaliza Khalid

Fakulti Multimedia Kreatif & Komputeran
Universiti Islam Selangor
nurkaliza@kuis.edu.my

Nor `Adha Abdul Hamid, Nur Zulfah Md Abdul Salam, Mohd Farok Mat Nor

Fakulti Syariah & Undang-Undang
Universiti Islam Selangor
noradha@kuis.edu.my, nurzulfah@kuis.edu.my, mohdfarok@kuis.edu.my

Norziah Othman

Fakulti Pengurusan Muamalah
Universiti Islam Selangor
norziah@kuis.edu.my

Muhammad Naqib Sahrani

Universiti Islam Selangor
23mt21001@student.kuis.edu

Abstract

Pandemik Covid-19 menyaksikan perubahan gaya hidup penduduk di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Perubahan drastik menyekat perjumpaan secara bersemuka dan menukarkan aktiviti tersebut kepada secara dalam talian. Justeru, keadaan tersebut mewujudkan pelbagai kekangan asas yang memberikan kesan dan mengundang pelbagai cabaran meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia yang meliputi aspek ekonomi, sosial dan teknologi. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat tahap gaya hidup di kalangan responden di Selangor dalam menghadapi penggunaan teknologi dalam kehidupan norma baharu selepas pandemic Covid-19. Metodologi yang dipilih ialah kajian tinjauan borang soal-selidik secara bersemuka dan dalam talian dengan seramai 220 responden berjaya menjawab dengan baik. Kaedah persampelan rawak berstrata telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan lapan faktor menjadi penentu kehidupan norma baharu. Kajian seterusnya membincangkan dapatan diskriptif bagi faktor teknologi dalam kalangan warga Selangor tersebut.

Keywords: norma baharu, pasca pandemik, gaya hidup, teknologi

1. Pengenalan

Penularan pandemik Covid-19 adalah suatu ujian daripada Tuhan untuk menguji kemampuan keimanan kepadaNya. Allah SWT telah menjelaskan bahawa ujian ini adalah medan bagi menentukan tahap keimanan seseorang hambaNya sebagaimana firmanNya dalam surah al-Ankabut ayat 2-3:

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuiNya tentang orang-orang yang berdusta.

al-Ankabut ayat 2-3

Pandemik Covid-19 menyaksikan perubahan gaya hidup penduduk di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Perubahan drastik menyekat perjumpaan secara bersemuka dan menukarkan aktiviti tersebut kepada secara dalam talian. Justeru, keadaan tersebut mewujudkan pelbagai kekangan asas yang memberikan kesan dan mengundang pelbagai cabaran meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia yang meliputi aspek ekonomi, sosial dan teknologi.

Sehingga saat ini, masih tiada tanda-tanda virus Covid-19 akan terhapus secara kekal daripada kehidupan kita di muka bumi ini. Oleh itu, virus Covid-19 kini diterima sebagai sebahagian kehidupan dan dikenal sebagai fasa pasca pandemik atau fasa endemik. Semasa fasa pasca pandemik atau fasa endemik, pelbagai Prosedur Operasi Standard (SOP) diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan Kembali wabak ini. Pembukaan semula premis perniagaan bagi meneruskan aktiviti ekonomi dalam Fasa Satu bagi Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Ogos 2021 merupakan permulaan kepada masyarakat kembali kepada kehidupan sebelumnya namun dalam keadaan norma baharu.

2. Norma Baharu Kehidupan Pasca-Pandemik COVID-19

Istilah 'norma baharu' muncul buat kali pertama ketika berlakunya krisis kewangan pada tahun 2008 (Corpuz, 2021). Ketika itu, norma baharu adalah merujuk kepada transformasi ekonomi, budaya dan sosial yang menyebabkan demonstrasi jalanan seterusnya memberi kesan kepada persepsi kolektif dan gaya hidup individu. Impak dan kesan utama pandemik Covid-19 adalah kepada kepada tahap emosi dan kesejahteraan manusia. Norma baharu turut menyaksikan Covid-19 masih menjadi punca gangguan dalam pelbagai bidang kehidupan seperti kesihatan, pendidikan, komunikasi, perniagaan dan pekerjaan hasil sekatan yang dikenakan oleh kerajaan atau pihak berkuasa.

Kajian turut merekodkan kewujudan ketidakmampuan dan kelemahan dalam amalan gaya hidup norma baharu (Xu et al., 2020). Jurang yang paling ketara adalah daripada sudut kesediaan seseorang individu tersebut untuk menjalani kehidupan dengan amalan norma baharu. Selain kesan negatif, pandemik Covid-19 turut menjadi pemacu kesan positif seperti mempercepatkan proses penerimaan dan penyesuaian dengan kehidupan dalam Revolusi Industri 4.0 dan permulaan transisi kepada Revolusi Industri 5.0 (De Castro Sobrosa Neto, 2020). Malahan, Covid-19 juga telah membuktikan bahawa penggabungan dimensi siber dan fizikal adalah tidak mustahil dan telah menjadi norma baharu dalam kehidupan hari ini (Geuna, 2021).

3. Malaysian Well-Being Index

'Keluarga Malaysia' adalah konsep yang diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia kesembilan, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob pada 22 Ogos 2021. Konsep ini dianggap sebagai suatu simbol kebersamaan yang inklusif (Bernama, 2021) dalam institusi kekeluargaan secara total dalam menghadapi situasi kehidupan yang mencabar terutamanya semasa fasa pasca pandemik Covid-19. Justeru, bersandarkan kepada konsep 'Keluarga Malaysia', Malaysia diharapkan dapat keluar daripada segala konflik demi kesejahteraan semua. Jelas, keluarga adalah merupakan elemen pelengkap kepada sebuah masyarakat yang mampu memberikan impak kepada sesebuah negara secara tidak langsung. Namun, terdapat pelbagai cabaran yang menguji keutuhan dan keharmonian keluarga harus dilalui ketika dalam fasa endemik ini.

Kesejahteraan keluarga adalah sebuah konsep multidimensi yang mendokong pelbagai aspek kehidupan seseorang individu dan keluarga (Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia, 2019). Malahan, sebelum penularan pandemik Covid-19, Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia

bagi tahun 2019 berada pada tahap 7.72 daripada skala maksimum 10. Perincian indeks menyaksikan, domain hubungan kekeluargaan mencatatkan skor tertinggi iaitu 8.35 diikuti oleh domain keluarga, peranan agama dan amalan kerohanian (8.25), domain keluarga dan keterlibatan komuniti (8.00), domain keselamatan keluarga (7.86), domain ekonomi keluarga (7.67), domain kesihatan keluarga (7.44), domain perumahan dan persekitaran (7.35) dan akhirnya, domain keluarga dan teknologi komunikasi (6.82). Justeru, antara tujuan kajian ini dilaksanakan adalah bagi melihat kembali kepentingan setiap domain selepas penularan pandemik Covid-19.

4. Metodologi

Metodologi kajian sangat penting bagi memastikan hasil dapatan kajian selari dengan matlamat dan objektif kajian. Metodologi kajian yang dipilih adalah berbentuk kajian kualitatif. Kualitatif adalah sebuah kaedah kajian yang digunakan untuk meneroka dan mendalami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu permasalahan atau fenomena manusia dan komuniti.

Data kuantitatif bagi kajian ini diperolehi melalui instrumen kaji selidik yang dibina berdasarkan kepada kajian literatur dengan disahkan oleh dua orang pakar metod dan konten. Orang awam di Selangor dipilih secara pensampelan rawak berstrata. Borang soal selidik yang dibina telah diagihkan kepada responden ini bagi mendapatkan pandangan mereka berkaitan kesan pandemik Covid-19 terhadap kehidupan mereka dan gaya hidup semasa fasa endemik ini. Kajian rintis dilaksanakan pada 24 Jun sehingga 2 Julai 2023. Kajian rintis ini melibatkan 220 orang responden (Jadual 1) yang terdiri daripada ketua keluarga pelbagai latar belakang.

Jadual 1: Taburan Kekerapan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	172	78.2
Cina	21	9.5
India	24	10.9
Bumiputera lain	3	1.4
Jumlah	220	100

Merujuk kepada Jadual 1 di atas, majoriti responden yang terlibat dalam kajian rintis ini adalah berbangsa Melayu (78.2 peratus). Manakala 10.9 peratus responden adalah berbangsa India diikuti 9.5 peratus dari bangsa Cina dan bakinya sebanyak 1.4 peratus adalah dari bumiputera lain. Berikut adalah taburan kekerapan responden mengikut status perkahwinan.

Jadual 2: Taburan Kekerapan Responden mengikut Status Perkahwinan

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Bujang	29	13.2
Berkahwin	171	77.7
Ibu/Bapa Tunggal	20	9.1
Jumlah	220	100

Merujuk kepada Jadual 2, 77.7 peratus responden yang terlibat dalam kajian ini adalah mereka yang berkahwin. Hanya 9.1 peratus adalah dalam kalangan ibu dan bapa tunggal dan selebihnya 13.2 peratus adalah responden berstatus bujang.

5. Saiz Sampel

Salah satu persoalan sebelum menjalankan analisis faktor adalah berkenaan jumlah sampel. Tiada ada suatu persetujuan yang universal mengenai jumlah minimum sampel bagi analisis faktor kerana

terdapat pelbagai cadangan dan panduan yang diberikan oleh para penyelidik. Ada penyelidik yang mencadangkan peraturan praktikal adalah 100 (lemah), 200 (memadai), 300 (lebih dari memadai), 500 (baik) dan lebih dari 1000 (sangat baik) (Comrey & Lee, 1973). Hair et al. (2010) pula menetapkan nilai muatan faktor dengan pemilihan sampel sebagai panduan (Jadual 3). Memandangkan saiz sampel dalam kajian ini (N=220) telah diandaikan sebagai memadai, maka persoalan mengenai jumlah sampel minimum dalam kajian ini bukanlah suatu isu. Penyelidik turut menetapkan nilai muatan faktor .40 sebagai penanda aras.

Jadual 3 Panduan Saiz Sampel Berdasarkan Nilai Muatan Faktor oleh Hair et al. (2010,2012)

Nilai Muatan Faktor	Saiz Sampel
0.30	350
0.35	250
0.40	200
0.45	150
0.50	120
0.55	100
0.60	85
0.65	70
0.70	60
0.75	50

6. Korelasi antara Item

Perkara kedua yang dipertimbangkan adalah mengenal pasti korelasi antara item. Ini adalah kerana analisis faktor mengandaikan bahawa setiap item mempunyai korelasi sesama item. Hair et al. (1995) mencadangkan kriteria nilai korelasi $\pm .30$ sebagai minimum, $\pm .40$ sebagai penting dan $\pm .50$ sebagai penting secara praktikal. Ini bermakna semua item yang mengukur konstruk yang sama mempunyai nilai korelasi yang tinggi antara satu sama lain. Manakala item-item pada konstruk yang berbeza mempunyai nilai korelasi yang rendah.

Hasil pemeriksaan matriks korelasi pada semua item menunjukkan nilai muatan faktor 0.3 dan ke atas. Semua item mempunyai nilai korelasi $\geq .30$ dengan sekurang-kurangnya satu item sekali gus mencadangkan pemfaktoran yang munasabah.

7. Kesesuaian Data Sampel


Sebelum prosedur pembentukan atau pengekstrakan faktor, beberapa ujian perlu dilakukan bagi menentukan kesesuaian data sampel untuk analisis faktor (Kaiser, 1970). Antara ujian tersebut adalah Ujian Kaiser Meyer-Olkin (KMO) dan ujian Bartlett's Test of Sphericity. Ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dijalankan bagi mengukur kesesuaian data sampel. Selain itu, ujian Bartlett's Test of Sphericity dijalankan sebelum pengekstrakan atau pembentukan faktor untuk memastikan kesesuaian data bagi analisis faktor. Hair et al. (1995) turut menyatakan kebanyakan analisis faktor menggunakan pelbagai kriteria pendekatan. Kaiser (1960); Cattell (1966) & Horn (1965) mencadangkan antara kriteria tersebut adalah kriteria Kaiser (nilai eigen >1), ujian Scree, kumulatif peratusan varians yang di ekstrak dan analisis paralel. Kaedah Principal Component Analysis (PCA) seperti yang dicadangkan oleh Hair et al.(2010, 2012) digunakan dengan putaran verimax bagi memahami skala yang dibentuk dengan jelas antara item dan faktor yang dibentuk. Ini kerana setiap faktor secara logiknya berkorelasi antara satu sama lain. Dengan erti kata lain, setiap faktor adalah saling berkaitan. Penyelidik menggunakan kriteria yang diberikan oleh Hair et al. (2010, 2012) sebagai panduan. Secara umumnya, Jadual 4 memaparkan panduan kriteria yang dicadangkan oleh Hair et al. (2010, 2012) dalam analisis Principal Component Analysis (PCA).

Jadual 4 Panduan Kriteria Analisis Faktor oleh Hair et al. (2010, 2012) dan Thomson (2004).

Panduan	Kriteria	Nilai	Dapatan Kajian
Panduan Hair et al. (2010, 2012)	Ujian Kaiser Meyer-Olkin (KMO)	0.5-0.7	0.823
	Ujian Bartlett's Test of Sphericity Anti-image	<.05	0.000
	corelation matrix of items	≥.05	memenuhi
	Nilai Komunaliti Pemboleh Ubah	≥.05	memenuhi
	Nilai Muatan Faktor	≥.30	2.246 – 25.922
	Nilai Eigen Faktor	> 1	1.011 – 11.665
	Peratusan Variance	≥60%	75.366

7. Keputusan dan Kesimpulan

Terdapat 48 item dalam soalselidik yang dibina. Hasil analisis PCA menggunakan putaran promax, nilai muatan .40 dan nilai eigen >1 telah menghasilkan sepuluh faktor. Secara keseluruhannya 45 item telah dikekalkan. Sebanyak 3 item telah digugurkan kerana mempunyai nilai muatan <.40. Jadual 4 memperincikan dapatan faktor analisis berpandukan kriteria Hair et al. (2010, 2012). Selain itu, nilai ujian Bartlett's Test of Sphericity adalah signifikan secara statistik. Rajah 1 memaparkan scree plot hasil analisis faktor putaran varimax berpandukan kriteria analisis faktor oleh Hair et al. (2010, 2012). Kesemua sebelas faktor tersebut menerangkan sebanyak 75.366% varians dalam keseluruhan item dalam soalselidik.



Hasil gambarajah scree juga menunjukkan kesemua sebelas faktor asal perlu dikekalkan. Namun penyelidik memutuskan untuk membentuk lapan faktor kerana boleh menerangkan dengan lebih jelas faktor yang terbentuk berbanding sebelas faktor.

Jadual 5 Nilai min dan sisihan piawai faktor teknologi

Bil	Kod	Item	Min	Sisihan Piwai
-----	-----	------	-----	---------------

1	Bviii1	Penyampaian maklumat oleh kerajaan berkaitan status penularan dan pencegahan pandemik Covid-19 adalah pantas dan berkesan.	3.95	1.02
2	Bviii2	Perkhidmatan dan keupayaan capaian internet di rumah saya memuaskan.	3.90	0.95
3	Bviii3	Kos bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan dan capaian internet adalah dalam kemampuan saya.	3.70	0.97
4	Bviii4	Kos bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan dan capaian internet adalah berpatutan.	3.50	1.05

Nota. 1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Neutral, 4= Setuju, dan 5=Sangat Setuju

Faktor teknologi (Jadual 5) menunjukkan catatan min tertinggi pada item Bviii1 dengan (M=3.95, SP=1.02, diikuti oleh item Bviii2 (M=3.90, SP=0.95). Nilai min ketiga tertinggi ialah Bviii3 dengan nilai min=3.70 dan nilai sisihan piawai=0.97. Nilai min terendah ialah Bviii4 dengan nilai min=3.50 dan nilai sisihan piawai=1.05. Dapatan kajian ini melaporkan bahawa responde Selangor dalam kajian bersetuju bahawa penyampaian maklumat oleh kerajaan berkaitan status penularan dan pencegahan pandemik Covid-19 adalah pantas dan berkesan. Mereka turut bersetuju bahawa perkhidmatan dan keupayaan capaian internet di rumah mereka adalah memuaskan selain bersetuju kos bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan dan capaian internet adalah dalam kemampuan mereka. Namun begitu, mereka masih beranggapan bahawa kos bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan dan capaian internet di Malaysia umumnya dan Selangor khususnya masih boleh dikaji semula.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai penyedia geran penyelidikan untuk sokongan kewangan melalui FRGS Kod Projek: FRGS/1/2020/SSO/KUIS/02/1 - yang membolehkan penulis untuk menjalankan penyelidikan ini.

Rujukan

- Bernama. (2021). Kerajaan keluarga Malaysia cari kebersamaan, kesepakatan- Ismail Sabri. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2127949>
- Comrey, A. L., & Lee, H. B. (1992). A first course in factor analysis (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Cattell, R. B. (1966). The scree test for the number of factors. *Multivariate Behavioral Research*, 1, 245-276.
- Corpuz J. C. G. (2021). Adapting to the culture of 'new normal': an emerging response to COVID-19. *Journal of public health (Oxford, England)*, 43(2), e344–e345. <https://doi.org/10.1093/pubmed/fdab057>
- De Castro Sobrosa Neto, R., Maia, J. S., de Silva Neiva, S., Scalia, M. D., & de Andrade Guerra, J. B.S. O. (2020). The fourth industrial revolution and the Coronavirus: A new era catalyzed by a virus. *Research in Globalization*.
- Geuna, A. (2021). Resilience and Digital Disruption: Regional Competition in the Age of Industry 4.0.

Hair, J. E. Jr., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. (1995). *Multivariate data analysis* (4th ed.). Upper Saddle, NJ: Prentice-Hall.

Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L. and Black, W.C. (1998). *Multivariate Data Analysis*. Upper Saddle River, NJ: Prentice-Hall.

Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis*, (7th ed.). Prentice Hall, Englewood Cliffs.

Hair, J.F., Sarstedt, M., Ringle, C.M., Mena, J.A. (2012). An Assessment of the use of partial least squares structural equation modeling in marketing research. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 40(3), 414-433.

Horn, J. L. (1965). A rationale and test for the number of factors in factor analysis. *Psychometrika*, 30, 179-185.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). "Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia." Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/v1/index>.

Kaiser, H.F. (1960). The application of electronic computers to factor analysis. *Educational and Psychological Measurement*, 20, 141-151.

Kaiser, H.F. (1970). A second generation Little Jiffy. *Psychometrika*, 35, 401-415.

Xu, H., Mendez, M. J. G., Guo, L., Chen, Q., Zheng, L., Chen, P., Liu, S., Sun, X., Zhang, S., & Qiao, Y. (2020). Knowledge, awareness, and attitudes relating to the COVID-19 pandemic among different population in central China: Cross-sectional survey. *Journal of medical internet research*, 22(10), 1-11. 10.1371/journal.pone.0239254.